



KERAJAAN MALAYSIA

**PEKELILING KEMAJUAN PENTADBIRAN AWAM
BILANGAN 2 TAHUN 1993
(PINDAAN NO. 1/2000)**

**GARIS PANDUAN MENGENAI
PEMBERIAN ANUGERAH
PERKHIDMATAN CEMERLANG
PERKHIDMATAN AWAM**

**JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA**

31 Disember 1999

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihakberkuasa Tempatan



Rujukan Kami: UPTM159/478/4 Klt.7
Tarikh: 31 Disember 1999

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

**PEKELILING KEMAJUAN PENTADBIRAN AWAM
BILANGAN 2 TAHUN 1993
(PINDAAN NO. 1/2000)**

**GARIS PANDUAN MENGENAI PEMBERIAN ANUGERAH
PERKHIDMATAN CEMERLANG PERKHIDMATAN AWAM**

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan menyampaikan keputusan Kerajaan untuk memperluaskan kelayakan anggota-anggota yang boleh dipertimbangkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Perkhidmatan Awam kepada anggota yang tidak memilih terma dan syarat-syarat perkhidmatan Sistem Saraan Baru (SSB). Dengan itu Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 1993 dan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 1993 (Pindaan No.2/1993) perlu dipinda untuk memasukkan keputusan tersebut.

PINDAAN

2. Perenggan 8 dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 1993 dan perenggan 8(i) dan (ii) Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 1993 (Pindaan No.2/1993) adalah, dengan ini, diganti dengan perenggan 8(i) dan 8(ii) yang baru seperti berikut:

“8. Pemilihan penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang hendaklah dibuat pada tiap-tiap tahun oleh Panel Penyelarasan Penilaian Prestasi dan Pergerakan Gaji (PPG) berasaskan Laporan Penilaian Prestasi. Anggota-anggota berikut layak dipertimbangkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Perkhidmatan Awam:

- (i) 2 peratus anggota-anggota Perkhidmatan Awam yang telah mencapai prestasi kerja yang cemerlang, iaitu anggota yang menerima pergerakan gaji secara melintang di bawah Sistem Saraan Baru (SSB) dan anggota yang mendapat markah penilaian prestasi 90 peratus ke atas bagi yang tidak memilih terma dan syarat-syarat perkhidmatan SSB. Bagaimanapun, bagi anggota yang telah mencapai gaji maksimum, mereka juga layak dipertimbangkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang asalkan mereka tergolong dalam lingkungan 2 peratus;
- (ii) 3 peratus anggota-anggota Perkhidmatan Awam yang telah mencapai prestasi kerja yang baik, iaitu anggota yang menerima pergerakan gaji secara menegak di bawah Sistem Saraan Baru (SSB) dan anggota yang mendapat markah penilaian prestasi 80 hingga 89.99 peratus bagi yang tidak memilih terma dan syarat-syarat perkhidmatan SSB. Bagaimanapun, bagi anggota yang telah mencapai gaji maksimum, mereka juga layak dipertimbangkan Augerah Perkhidmatan Cemerlang asalkan mereka tergolong dalam lingkungan 3 peratus.”

TARIKH KUATKUASA

- 2. Pindaan ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2000.

(TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI)

Ketua Setiausaha Negara